

**GARIS PANDUAN LALUAN ARTIKULASI  
LULUSAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (DKM) DAN DIPLOMA  
LANJUTAN KEMAHIRAN MALAYSIA (DLKM)  
UNTUK KEMASUKAN KE PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA DI IPTA**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk diguna pakai oleh semua pihak terbabit khususnya Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Institut Latihan Kemahiran (ILK) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memberi laluan artikulasi kepada lulusan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Sebagai Salah Satu Syarat Kemasukan Ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan seperti yang terkandung dalam teks ucapan Bajet 2010 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 23 Oktober 2010 di Dewan Rakyat iaitu:

**“Kelima: Mengiktiraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 4 dan ke atas supaya setaraf dengan aliran akademik. Dengan pengiktirafan ini, pemegang SKM tahap 4 layak memohon untuk berkhidmat di sektor awam, manakala bagi mereka yang berkhidmat di sektor swasta dapat menikmati gaji setaraf dengan pemegang sijil diploma”.**

Garis panduan penerimaan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) adalah diharapkan menjadi satu landasan bagi pelajar yang mempunyai kelayakan DKM dan DLKM menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperluaskan akses pengajian tinggi. Jabatan berharap agar Garis Panduan ini dapat dijadikan rujukan bagi sesi pengambilan pelajar bagi tahun 2011/2012 ke IPTA. Salah satu saranan garis panduan ini adalah dalam mewujudkan Kategori Diploma SKM/setaraf di dalam Sistem Kemasukan Pengambilan Pelajar (UPU).

## ISI KANDUNGAN

| NO. | ISI KANDUNGAN  | MUKA SURAT |
|-----|--|------------|
| 1.  | TUJUAN   | 4          |
| 2.  | LATAR BELAKANG   | 4          |
|     | 2.1 Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)  | 4          |
|     | 2.2 Maklumat program SKM / DKM / DLKM telah mempunyai laluan artikulasi ke IPT luar Negara | 7          |
|     | 2.3 Syarat Kelayakan Menyertai Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)                        | 8          |
|     | 2.4. Program Ijazah IPTA   | 8          |
|     | 2.5 Kesetaraan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dengan Pengajian di IPTA        | 9          |
| 3.  | ASAS LALUAN ARTIKULASI   | 10         |
|     | 3.1 Program Persijilan Kemahiran Malaysia yang mempunyai laluan artikulasi                 | 10         |
|     | 3.2 Syarat Am dan Syarat Khas kemasukan ke IPTA  | 23         |
|     | 3.3 Program Pengukuhan / <i>Bridging</i> Program   | 24         |
| 4.  | PRINSIP UMUM   | 25         |
|     | 4.1 Perkara-perkara berikut digunakan sebagai prinsip umum                                 | 25         |
| 5.  | SYOR   | 26         |
| 6.  | LAMPIRAN   | 27         |
| 7.  | PENGHARGAAN  | 60         |

## **1.0 TUJUAN**

Garis panduan laluan artikulasi pelajar-pelajar lulusan Institusi Latihan Kemahiran di bawah pentauliahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) ini disediakan untuk diguna pakai sebagai asas pelaksanaan artikulasi bagi lulusan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) untuk kemasukan ke program ijazah di IPTA.

## **2.0 LATARBELAKANG**

### **2.1 Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)**


Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah bertanggungjawab untuk merumus, menggalak dan menyelaraskan strategi dan program latihan kemahiran sejajar dengan keperluan serta perkembangan teknologi dan ekonomi negara. Untuk tujuan tersebut, JPK berperanan mengawal selia pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) iaitu satu kaedah penganugerahan kelayakan kemahiran kebangsaan. Objektif SPKM adalah untuk melahirkan sumber manusia yang mempunyai kemahiran menjalankan tugas-tugas di tempat kerja seperti yang digariskan di dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) / *National Occupational Skills Standard* (NOSS) dan disokong dengan pengetahuan dan kebolehan teras dalam bidang tertentu. NOSS merupakan dokumen yang menggariskan keterampilan yang di perlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut. NOSS dibangunkan dengan melibatkan pekerja mahir atau pakar-pakar industri yang memberi input berkenaan keperluan kemahiran di tempat kerja. Kurikulum latihan kemahiran dibangunkan adalah berasaskan kepada NOSS dan hendaklah dapat memastikan pelajar-pelajar yang mengikuti latihan dapat mencapai tahap keterampilan yang digariskan di dalam NOSS.

Di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652), mana-mana institusi latihan yang ingin menawarkan program latihan kemahiran berasaskan NOSS dan menjurus kepada pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 hendaklah mendapat pentauliahan JPK.

Secara umumnya, skop bidang program latihan kemahiran di bawah SPKM mempunyai persamaan dengan program akademik yang ditawarkan di IPTA tetapi ianya lebih fokus kepada keterampilan dalam menjalankan tugas di tempat kerja seperti yang digariskan dalam NOSS. Sebagai contoh Program Eksekutif Sistem Maklumat Tahap 4 memfokus kepada tugas sebagai seorang eksekutif sistem maklumat sepertimana yang digariskan dalam NOSS, manakala Ijazah Teknologi Maklumat IPTA memberi pendedahan kepada pelajar dalam

bidang teknologi maklumat yang lebih luas meliputi sains perkomputeran, pengaturcaraan, teknologi, dan sistem rangkaian.

Latihan kemahiran di bawah SPKM memberi penumpuan kepada ketiga-tiga domain pembelajaran iaitu psikomotor, kognitif dan *affective*. Kandungan latihan kemahiran secara keseluruhan dapat digambarkan di dalam kerangka persijilan kemahiran Malaysia seperti Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Persijilan Kemahiran Malaysia

Pada tahap yang lebih rendah iaitu tahap 1 dan tahap 2, penumpuan adalah lebih kepada domain psikomotor/ kemahiran (*skills and job ability*) dan domain kognitif/ teori (*knowledge and technology*) dengan peratusan kecil sahaja yang menyokong pelaksanaan kerja-kerja praktikal. Peratusan elemen teori akan meningkat dengan peningkatan tahap. Di samping itu, penumpuan juga diberikan kepada domain *affective* yang dikenali sebagai kebolehan teras (*core abilities*) iaitu kemahiran-kemahiran generik yang perlu ada pada pelajar bagi meningkatkan kebolehkerjaan seperti kemahiran komunikasi, ICT, kepimpinan dan pengurusan maklumat.

Selaku badan persijilan, JPK amat mengambil berat tentang jaminan kualiti di dalam pelaksanaan latihan. Jaminan kualiti merangkumi elemen kawalan terhadap institusi latihan dan juga terhadap pelajar itu sendiri. Di bawah sistem pentauliahan, JPK mempunyai garis panduan yang mantap dalam menilai keupayaan sesebuah institusi latihan untuk menjalankan program latihan sebelum pentauliahan diluluskan. Sistem pentauliahan ialah prosedur di mana JPK menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran berasaskan kepada Panduan Dan Peraturan-peraturan Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia. Perkara-

perkara yang dinilai dalam proses pentauliahannya sesuatu institusi latihan adalah termasuk kemudahan infrastruktur dan peralatan latihan, tenaga pengajar yang berkelayakan serta kurikulum latihan yang lengkap dan memenuhi keperluan NOSS. Institusi latihan yang mendapat pentauliahannya dikenali sebagai Pusat Bertauliah (PB), JPK. PB adalah diwajibkan untuk mewujudkan mekanisme kawalan kualiti di peringkat dalaman yang melibatkan pelantikan personel yang berkaitan iaitu Pegawai Penilai (PP), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) dan Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) yang memainkan peranan dalam melaksanakan latihan dan menjalankan penilaian prestasi pelajar secara telus. Selain daripada kawalan secara dalaman peringkat PB, JPK juga mewujudkan elemen kawalan luaran yang melibatkan Pegawai Pengesah Luaran (PPL) dan Jawatankuasa Penasihat Teknikal (TAC) yang merupakan pihak yang berkecuali yang akan menilai pelaksanaan latihan dan pelaksanaan penilaian prestasi pelajar di PB. Di dalam memastikan pelajar yang dianugerahkan sijil mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan, pelajar perlu menjalani ujian prestasi seperti yang ditetapkan di dalam Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian.

Penilaian prestasi pelajar adalah berasaskan penilaian berterusan (kerja kursus) dan peperiksaan akhir. Untuk peringkat DKM dan DLKM, pelajar diwajibkan menjalankan projek akhir serta latihan industri. Untuk melayakkan pelajar dianugerahkan sijil, markah keseluruhan yang perlu dicapai ialah 60 peratus termasuk lulus dalam latihan industri. Jadual 1 menunjukkan komponen pemarkahan bagi program DKM dan DLKM.

| BIL                 | KOMPONEN PENILAIAN | PERATUS (%) | MARKAH LULUS MINIMUM | SKOR  |       |
|---------------------|--------------------|-------------|----------------------|-------|-------|
| 1                   | KERJA KURSUS       | Teori       | 15                   | 7.5   | Lulus |
|                     |                    | Praktikal   | 25                   | 12.5  | Lulus |
| 2                   | PROJEK AKHIR       | 20          | 12                   | Lulus |       |
| 3                   | PEPERIKSAAN AKHIR  | Teori       | 15                   | 11    | Lulus |
|                     |                    | Praktikal   | 25                   | 17    | Lulus |
| MARKAH LULUS (100%) |                    |             | 60                   | LULUS |       |

Jadual 1: Komponen Pemarkahan Program DKM dan DLKM

**2.2 Maklumat program SKM / DKM / DLKM telah mempunyai laluan artikulasi ke IPT luar Negara**

| BIL | NOSS               |                                 | IPTA / IPTS  | KEPERLUAN / SYARAT TAMBAHAN                  | PERINGKAT PENGAJIAN  | PUSAT BERTAULI-AH TERLIBAT  |
|-----|--------------------|---------------------------------|--|--|--|---|
| 1   | H-050-5            | Jurutera Pembuatan – CAD / CAM  | Chisholm Institute, Melbourne, Australia                                     | IELTS, TAFE, External Australian Examination | Advance Diploma  | M.I.T. ACADEMY  |
| 2   | H-176-5            | Jurutera Automasi Perindustrian | Chisholm Institute, Melbourne, Australia                                     | IELTS, TAFE, External Australian Examination | Advance Diploma  | M.I.T. ACADEMY  |
| 3   | H-024-2<br>H-024-3 | Juruteknik Kimpalan             | Polytechnic West Western Australia   | -  | Certificate III  | Quality Weld Academy (M) Sdn Bhd / Vocational Education Training Academy Sdn Bhd (VETA) |
| 4   | H-023-4            | Pembantu Juruteknik Kimpalan    | Polytechnic West Western Australia   | -  | Certificate IV   | Quality Weld Academy (M) Sdn Bhd / Vocational Education Training Academy Sdn Bhd (VETA) |
| 5   | P-115-3            | Juruteknik Kenderaan Motor      | City of Sunderland College, UK (dijalankan di Times Academy selama 18 bulan) | -  | Diploma in Vehicle Operation Management / Diploma of Mechatronic | Times Academy Sdn. Bhd.   |

|  |  |  |  |                      |                 |                               |
|--|--|--|--|----------------------|-----------------|-------------------------------|
|  |  |  | City of Sunderland College, UK (dijalankan di Times Academy selama 18 bulan) | SPM (kredit English) | Ass. Pre Degree | Despark Auto (Melaka) Sdn Bhd |
|--|--|--|--|----------------------|-----------------|-------------------------------|

Jadual 2 : Maklumat program SKM / DKM / DLKM telah mempunyai laluan artikulasi ke IPT luar Negara

### 2.3 Syarat Kelayakan Menyertai Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)

Syarat minimum menyertai latihan bagi program SPKM melalui institusi latihan yang diiktiraf, calon-calon mestilah:

- i. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
- ii. Mempunyai SKM tahap yang lebih rendah untuk menyertai SKM tahap yang lebih tinggi dalam bidang kursus yang sama;
- iii. Mempunyai syarat tambahan seperti yang ditetapkan dalam NOSS yang berkaitan, jika ada; dan
- iv. Lain-lain syarat yang ditetapkan oleh sesuatu Pusat Bertauliah kepada bakal pelajar-pelajar mereka.

### 2.4 Program Ijazah IPTA

Objektif : Mengeluarkan graduan yang mempunyai pengetahuan akademik yang tinggi dan berdaya saing sebagai pemangkin kepada penemuan ilmu-ilmu baru serta disokong dengan kemahiran yang bersesuaian dalam sesuatu bidang tertentu

Kurikulum:

- Elemen teori/pengetahuan menjadi fokus utama manakala praktikal merupakan sokongan kepada pengetahuan teori. Secara umum 80-85% teori dan 15-20% praktikal. Walau bagaimanapun, IPTA khususnya rangkaian universiti di bawah MTUN iaitu UTHM, UTEM, UMP dan UNIMAP, program-program kejuruteraan dan teknologi yang dilaksanakan mempunyai latihan praktikal yang lebih tinggi, antara 40-60%.



Penilaian Prestasi Pelajar:

- Penilaian prestasi pelajar berasaskan penilaian berterusan dan peperiksaan akhir di sertakan dengan latihan industri.
- Prestasi pelajar diukur mengikut pencapaian purata mata gred komulatif CGPA antara 0.00-4.00. Umumnya, pelajar yang mencapai CGPA 3.5 keatas di kelaskan sebagai cemerlang manakala yang mendapat CGPA dibawah 2.00 di kelaskan sebagai gagal.

## 2.5 Kesetaraan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dengan Pengajian di IPTA

Di dalam SPKM, setiap pelajar perlu lulus SKM Tahap 1, 2 dan 3 sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat DKM. Lulusan DKM mempunyai kelayakan untuk menjawat jawatan lulusan Diploma IPTA dalam satu-satu skop perjawatan yang khusus. Manakala pelajar yang meneruskan ke peringkat DLKM terlatih untuk melaksanakan tugas seorang eksekutif yang lazimnya dijawat oleh lulusan peringkat ijazah dari IPTA.

Contoh kurikulum program SKM Tahap 1 hingga DKM (Tahap 4) diberi dalam **Lampiran 1**.

Perbandingan tempoh pengajian antara Persijilan Kemahiran Malaysia dengan Diploma IPTA adalah seperti dalam Jadual 3 di bawah:

| SPKM        |  | Diploma IPTA    |  |
|-------------|--|-----------------|--|
| Tahap       | Tempoh (Jam Kontak)                                    | Tahun Pengajian | Tempoh (SLT)                               |
| SKM Tahap 1 | 6 bulan<br>(Minimum 600 jam)                           | Tahun 1         | 12 bulan<br>(Minimum 1200 jam)             |
| SKM Tahap 2 | 6 bulan<br>(Minimum 600 jam)                           |                 |  |
| SKM Tahap 3 | 12 bulan<br>(Minimum 1200 jam)                         | Tahun 2         | 12 bulan<br>(Minimum 1200 jam)             |
| DKM         | 12 bulan (Minimum 1200 jam) + 3 bulan latihan industri | Tahun 3         | 12 bulan termasuk LI<br>(Minimum 1200 jam) |
| DLKM        | 18 bulan (Minimum 1800 jam)+ 3 bulan latihan industri  |                 |  |

Jadual 3: Perbandingan tempoh pengajian SPKM dengan Diploma IPTA

DKM yang dikeluarkan oleh JPK adalah diiktiraf setara dengan Tahap 4 di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM/MQF), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) utama yang menjalankan latihan kemahiran di peringkat DKM dan DLKM ialah institusi latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Institusi latihan di bawah KSM ialah Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) manakala institusi latihan di bawah KBS ialah Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Sehingga Oktober 2010, terdapat 32 institusi latihan di bawah KSM dan 15 institusi latihan di bawah KBS beroperasi seluruh negara dengan jumlah graduan DKM sekitar 2,000 graduan setahun. Selain daripada itu, terdapat juga kementerian-kementerian, agensi kerajaan yang lain dan institusi latihan swasta menjalankan program peringkat DKM dan DLKM. Bilangan institusi latihan dan graduan ini adalah meningkat dari masa ke semasa.

Lawatan ke beberapa ADTEC dan IKTBN mendapati kemudahan infrastruktur pengajaran dan pembelajaran termasuk bengkel dan makmal serta tenaga pengajar yang mencukupi dan setaraf dengan kemudahan yang ada di IPTA bagi menjalankan program di peringkat diploma. Pelajar di ADTEC dan IKTBN khususnya mendapat pendedahan dan latihan bengkel dan makmal yang lebih luas berbanding di IPTA.

Temu duga dengan beberapa pelajar juga menunjukkan kebolehan mereka mengaitkan pengetahuan teori dengan kemahiran praktikal dalam sesuatu subjek.

### **3.0 ASAS LALUAN ARTIKULASI**

Asas laluan artikulasi dibahagikan kepada perkara utama:

- DKM dan DLKM di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang mempunyai laluan artikulasi
- Kelayakan minimum kemasukan IPTA
- Program Pengukuhan/Bridging

#### **3.1 Program di bawah Persijilan Kemahiran Malaysia yang mempunyai laluan artikulasi**

Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) di bawah kelolaan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia menawarkan lima (5) tahap persijilan iaitu:

- i) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1
- ii) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2
- iii) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3

- iv) Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4
- v) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5

Tidak semua program latihan di bawah SPKM mempunyai Tahap 4 dan Tahap 5. Senarai program yang mempunyai Tahap 4 dan Tahap 5 sehingga Oktober 2010 adalah seperti di **Lampiran 2**. Senarai program ini berubah dan bertambah dari masa ke semasa.

Secara prinsipnya, Program DKM atau DLKM dalam bidang yang sama dengan program ijazah IPTA diberi laluan artikulasi setelah mendapat persetujuan daripada kedua belah pihak. Lulusan DKM atau DLKM boleh melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di IPTA. Laluan artikulasi ini dikategorikan kepada tiga iaitu:

- i) Kategori Kejuruteraan
- ii) Kategori Teknologi dan Teknologi Maklumat
- iii) Kategori Lain-lain Program

**i) Kategori Kejuruteraan:**

Program DKM/DLKM dalam kategori Kejuruteraan dan Teknikal di Institusi latihan JPK di bahagikan kepada sektor-sektor industri termasuk :-

- a. Sektor Electrical & Electronic and Telecommunication & Broadcasting - mempunyai 22 program NOSS Tahap 4 dan Tahap 5;
- b. Sektor Machinery & Equipment – mempunyai 21 program NOSS Tahap 4 dan Tahap 5
- c. Sektor Mechanical & Electrical Service and Maintenance – mempunyai 11 program NOSS Tahap 4 dan Tahap 5
- d. Sektor – Building & Construction – mempunyai 22 program NOSS Tahap 4 dan Tahap 5

Bilangan ini adalah mengalami perubahan dan pertambahan dari masa ke semasa. Senarai penuh program NOSS Tahap 4 dan Tahap 5 sehingga Oktober 2010 boleh dirujuk dalam **Lampiran 2**.

Walau bagaimanapun, pihak JPK mencadangkan sebagai permulaan kepada laluan artikulasi ini, hanya empat pengkhususan yang melibatkan lapan (8) program NOSS DKM dan DLKM (Jadual 4) kategori kejuruteraan diberi laluan artikulasi ke IPTA. Bilangan ini boleh ditambah dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan.

Jadual 4a adalah senarai IPTA yang menawarkan program ijazah dalam bidang Kejuruteraan dan Teknikal. Senarai ini tidak dimuktamadkan, boleh ditambah mengikut keperluan dan kesesuaian kedua-dua pihak JPK dan IPTA dari semasa ke semasa.

| <b>Bil</b> | <b>Kod NOSS</b> | <b>Nama NOSS</b>                      | <b>Tahap NOSS</b> |
|------------|-----------------|---------------------------------------|-------------------|
| 1          | C-051-4         | Pembantu Jurutera Elektrik            | 4                 |
| 2          | C-051-5         | Jurutera Elektrik                     | 5                 |
| 3          | D-051-4         | Pembantu Jurutera Rangkaian           | 4                 |
| 4          | D-051-5         | Jurutera Rangkaian                    | 5                 |
| 5          | E-030-4         | Pembantu Jurutera Elektronik Industri | 4                 |
| 6          | E-030-5         | Jurutera Elektronik Industri          | 5                 |
| 7          | H-050-4         | Penolong Jurutera Pembuatan – CAD/CAM | 4                 |
| 8          | H-050-5         | Jurutera Pembuatan – CAD/CAM          | 5                 |
| 9          | H-095-4         | Pembantu Jurutera Peralatan           | 4                 |
| 10         | H-095-5         | Jurutera Peralatan                    | 5                 |
| 11         | H-175-4         | Pembantu Jurutera Mekatronik          | 4                 |
| 12         | H-175-5         | Jurutera Mekatronik                   | 5                 |

Jadual 4: Senarai Program DKM dan DLKM dalam kategori Kejuruteraan dan Teknikal

| <b>BIL</b> | <b>NAMA IPTA</b> | <b>NAMA PROGRAM</b>  | <b>NOSS YANG BERSESUAIAN</b>   |
|------------|------------------|--|--|
| 1          | UTHM             | i) Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Mekatronik) dengan Kepujian<br>ii) Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian<br>iii) Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa) dengan Kepujian<br>iv) Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektrik dan Elektronik) dengan Kepujian<br>v) Sarjana Muda Kejuruteraan | H-175-4, H-175-5<br>C-051-4, C-051-5<br>C-051-4, C-051-5<br>C-051-4, C-051-5<br>E-030-4, E-030-5<br>E-030-4, E-030-5 |

|   |        |  |  |
|---|--------|--|--|
|   |        | Elektronik (Mikroelektronik) dengan Kepujian<br>vi) Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian  | H-050-4, H-050-5   |
| 2 | UNIMAP | i) Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Elektronik Industri<br>ii) Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)Kejuruteraan Mekatronik<br>iii)Sarjana Muda Kejuruteraan(Kepujian) Kejuruteraan Pembuatan<br>iv)Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Rekabentuk Produk<br>v) Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Perhubungan<br>vi) Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Sistem Elektrik<br>vii) Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga<br>viii)Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal<br>ix)Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)Kejuruteraan Mikroelektronik | E-030-4, E-030-5<br>H-175-4, H-175-5<br>H-050-4, H-050-5<br>D-051-4, D-051-5<br>C-051-4, C-051-5<br>C-051-4, C-051-5<br>H-095-4, H-095-5<br>E-030-4, E-030-5<br>E-030-4, E-030-5 |
| 3 | UMP    | i) Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)<br>ii) Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa)  | E-030-4, E-030-5<br>H-050-4, H-050-5<br>C-051-4, C-051-5<br>H-095-4, H-095-5   |

|   |      |  |                                      |
|---|------|--|--------------------------------------|
|   |      | iii) Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal   | H-175-4, H-175-5                     |
|   |      | iv) Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Industri             |                                      |
| 4 | UTEM | i) Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)                           | E-030-4, E-030-5<br>C-051-4, C-051-5 |
|   |      | ii) Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri)                   | H-175-4, H-175-5                     |
|   |      | iii) Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian                        | H-050-4, H-050-5                     |
|   |      | iv) Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan)                       | H-095-4, H-095-5                     |
|   |      | v) Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Reka bentuk Pembuatan)                   |                                      |
| 6 | UiTM | i) Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektrik Kuasa                           | E-030-4, E-030-5<br>C-051-4, C-051-5 |
|   |      | ii) Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektronik Industri-tggu kelulusan      | H-050-4, H-050-5                     |
|   |      | iii) Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal   | H-095-4, H-095-5                     |
|   |      | iv) Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan kepujian (Pembuatan)–belum decide |                                      |
| 7 | UIAM | i) Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Pembuatan                                | H-050-4, H-050-5                     |

Jadual 4a: Senarai IPTA dan Program Ijazah dalam bidang Kejuruteraan

## ii. Kategori Teknologi dan Teknologi Maklumat:

Jadual 5 adalah senarai program DKM dan DLKM yang diberi laluan artikulasi ke IPTA yang menawarkan program ijazah dalam bidang berkenaan seperti disenaraikan dalam Jadual 5a. Senarai ini tidak dimuktamadkan, boleh ditambah mengikut keperluan dan kesesuaian kedua-dua pihak JPK dan IPTA dari semasa ke semasa.

| BIL | KOD NOSS | NAMA NOSS                                    | TAHAP |
|-----|----------|--|-------|
| 1   | D-060-4  | Eksekutif Sistem Maklumat                    | 4     |
| 2   | D-060-5  | Pengurus Sistem Maklumat                     | 5     |
| 3   | IT-020-4 | Pembantu Eksekutif Sistem Komputer           | 4     |
| 4   | IT-020-5 | Eksekutif Sistem Komputer                    | 5     |
| 5   | D-120-4  | Pengurus Kreatif Multimedia                  | 4     |
| 6   | D-120-5  | Pengarah Kreatif Multimedia                  | 5     |
| 7   | D-051-4  | Pembantu Jurutera Rangkaian                  | 4     |
| 8   | D-051-5  | Jurutera Rangkaian                           | 5     |
| 9   | D-070-4  | Pembangunan Aplikasi-Pengaturcaraan Analisis | 4     |
| 10  | D-070-5  | Pembangunan Aplikasi-Juruanalisa Sistem      | 5     |

Jadual 5: Senarai Program DKM dan DLKM dalam kategori Teknologi dan Teknologi Maklumat

| BIL | NAMA IPTA | NAMA PROGRAM  | NOSS YANG BERSESUAIAN  |
|-----|-----------|---|--|
| 1   | UNIMAS    | i) Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia)<br>ii) Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Maklumat)<br>iii) Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Rangkaian)<br>iv) Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) | D-120-4 & D-120-5<br>D-060-4 & D-060-5<br>IT-020-4, T-020-5, D-051-4, & D-051-5<br>D-070-4 & D-070-5 |

|     |        |   |   |
|-----|--------|---|---|
| 2   | UMT    | i) Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)  | D-070-4 & D-070-5   |
| 3   | UMP    | i) Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)<br>ii) Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian)<br>iii) Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik & Multimedia) | D-070-4 & D-070-5<br>D-051-4, & D-051-5, D-070-4 & D-070-5<br>D-120-4, D-120-5, D-070-4 & D-070-5 |
| 4   | UUM    | Sarjana Muda Teknologi Maklumat   | D-051-4, D-051-5<br>D-070-4 & D-070-5   |
| 5   | UTHM   | Sarjana Muda Teknologi Maklumat   | D-060-4, D-060-5, IT-020-4, IT-020-5, D-070-4 & D-070-5   |
| 6.  | UteM   | i) Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data)<br>ii) Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian)<br>iii) Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer)               | IT-020-4, IT-020-5<br>D-060-4, D-060-5,   |
| 7.  | UniSZA | Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian)  | IT-020-4, IT-020-5<br>D-060-4, D-060-5,   |
| 8.  | UiTM   | Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Maklumat  | D-060-4, D-060-5, D-070-4, D-070-5<br>IT-020-4, IT-020-5  |
| 9.  | USIM   | Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)  | D-060-5, D-060-4<br>IT-020-4,<br>IT-020-5, D-051-5,<br>D-051-4, IT-090-5                          |
| 10. | UMK    | Sarjana Muda Teknologi Kreatif dan Warisan Dengan Kepujian:   |   |



|     |     |   |  |
|-----|-----|---|--|
|     |     | (Multimedia)  | D-120-4, D-120-5   |
|     |     | (Komunikasi Visual)   | D-120-4, D-120-5   |
| 11. | UKM | i) Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Keahlian (Sains Komputer)<br>ii) Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Keahlian (Komputeran Industri)<br>iii) Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Keahlian (Sains Maklumat)<br>iv) Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Keahlian (Sains dan Pengurusan Sistem)<br>v) Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Keahlian (Pengajian Multimedia) | IT-020-04, IT-020-5,<br>IT-020-04, IT-020-5, D-051-4, D-051-5, D-070-4, D-070-5<br>D-060-4, D-060-5,<br>IT-020-04, IT-020-5, D-051-4, D-051-5, D-070-4, D-070-5<br>D-120-4, D-120-5, |

Jadual 5a: Senarai IPTA dan Program Ijazah dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

### iii. Kategori Lain-lain Program:

Jadual 6 adalah senarai program DKM dan DLKM yang diberi laluan artikulasi ke IPTA yang menawarkan program ijazah dalam bidang berkenaan seperti disenaraikan dalam Jadual 6a. Senarai ini tidak dimuktamadkan, boleh ditambah mengikut keperluan dan kesesuaian kedua-dua pihak JPK dan IPTA dari semasa ke semasa.

| BIL | KOD NOSS | NAMA NOSS                           | TAHAP |
|-----|----------|-------------------------------------|-------|
| 1   | PP-001-4 | Eksekutif Korporat                  | 4     |
| 2   | PP-001-5 | Pengurus Korporat                   | 5     |
| 3   | K-022-4  | Eksekutif Fesyen dan Pakaian        | 4     |
| 4   | K-022-5  | Pengurus Fesyen dan Pakaian         | 5     |
| 5   | L-040-4  | Penolong Eksekutif Penyedia Makanan | 4     |

|    |          |  |   |
|----|----------|--|---|
| 6  | L-040-5  | Eksekutif Penyedia Makanan                       | 5 |
| 7  | L-050-4  | Pengurus Bahagian Makanan & Minuman              | 4 |
| 8  | L-050-5  | Pengurus Bahagian Makanan & Minuman              | 5 |
| 9  | Y-050-4  | Eksekutif Pertanian                              | 4 |
| 10 | Y-012-4  | Penolong Pengurus Ladang Ruminan                 | 4 |
| 11 | Y-021-4  | Eksekutif Akuakultur                             | 4 |
| 12 | Y-090-4  | Penolong Pengurus Pemasaran – Pengedaran Makanan | 4 |
| 13 | MC-040-4 | <i>Assistant Industrial Product Designer</i>     | 4 |
| 14 | MC-040-5 | <i>Industrial Product Designer</i>               | 5 |
| 15 | K-022-4  | Eksekutif Fesyen dan Pakaian                     | 4 |
| 16 | K-022-5  | Pengurus Fesyen dan Pakaian                      | 5 |
| 17 | Y-050-4  | Eksekutif Ladang Pertanian                       | 4 |
| 18 | Y-050-5  | Pengurus Ladang Pertanian                        | 5 |
| 19 | Y-050-4  | Eksekutif Pertanian                              | 4 |
| 20 | SS-142-4 | Weaving Industry Executive                       | 4 |
| 21 | SS-142-5 | Weaving Industry Industry                        | 5 |
| 22 | SS-140-4 | Weaving Designer                                 | 4 |
| 23 | SS-120-4 | Pereka Batik                                     | 4 |
| 24 | SS-130-5 | Pengurus Pengeluaran Batik                       | 5 |
| 25 | SS-110-4 | Eksekutif Pengeluaran Batik                      | 4 |
| 26 | CVS4     | Pengurus Binaan Awam dan Struktur                | 4 |
| 27 | ARB4     | Pengurus Senibina dan Bangunan                   | 4 |
| 28 | V-020-4  | Pembantu Ukur Tanah Kanan                        | 4 |
| 29 | V-020-5  | Pengurus Ukur Tanah Kanan                        | 5 |
| 30 | L-150-4  | Penolong Pengemasan                              | 4 |
| 31 | L-150-5  | Eksekutif Pengemasan                             | 5 |
| 32 | L-160-4  | Pengurus Bertugas Kaunter Hadapan                | 4 |
| 33 | L-160-5  | Pengurus Kaunter                                 | 5 |
| 34 | Y-010-4  | Penolong Pengurus Veterinar                      | 4 |
| 35 | Y-010-5  | Pengurus Veterinar                               | 5 |
| 36 | Y-011-4  | Penolong Pengurus Ladang Poltri                  | 4 |
| 37 | Y-011-5  | Pengurus Ladang Poltri                           | 5 |
| 38 | Y-012-4  | Penolong Pengurus Ladang Ruminan                 | 4 |
| 39 | Y-012-5  | Pengurus Ladang Ruminan                          | 5 |

|    |          |   |   |
|----|----------|---|---|
| 40 | Y-021-4  | Eksekutif Akuakultur  | 4 |
| 41 | Y-021-5  | Pengurus Akuakultur   | 5 |
| 42 | Y-040-4  | Penolong Pengurus Pengeluaran – Pemprosesan Makanan                                     | 4 |
| 43 | Y-040-5  | Pengurus Pengeluaran – Pemprosesan Makanan  | 5 |
| 44 | Y-070-4  | Eksekutif Jualan –Pengedaran Makanan  | 4 |
| 45 | Y-070-5  | Pengurus Jualan –Pengedaran Makanan   | 5 |
| 46 | Y-090-4  | Penolong Pengurus Pemasaran – Pengedaran Makanan  | 4 |
| 47 | Y-090-5  | Pengurus – Pengedaran Makanan   | 5 |
| 48 | Y-060-4  | Pengurus – Pengedaran Makanan   | 4 |
| 49 | Y-060-5  | Eksekutif Penyelidikan dan Pembangunan (Aktiviti-Aktiviti Industri Berkaitan Pertanian) | 5 |
| 50 | Y-030-5  | Pengurus Ladang Kelapa Sawit  | 4 |
| 51 | Y-031-4  | Penolong Pengurus Kilang (Kilang Minyak Sawit)  | 5 |
| 52 | PG-080-4 | Plastic Production Assistant Manager (Thermoset)  | 4 |
| 53 | PG-080-5 | Plastic Production Manager (Thermoset)  | 5 |

Jadual 6: Senarai Program DKM dan DLKM dalam kategori Lain-lain Program.

| BIL | NAMA IPTA | NAMA PROGRAM  | NOSS YANG BERSESUAIAN   |
|-----|-----------|---|---|
| 1   | UiTM      | i) Semua program ijazah dalam bidang pengurusan perniagaan<br>ii) Textile & Apparel<br>iii) Agriculture & Agrobased<br>iv) Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Hotel<br>v) Sarjana Muda Sains (Kepujian) | PP-001-4, PP-001-5<br>P-200-4, P-200-5<br>K-022-4, K-022-5<br>SS-130-5, SS-110-4,<br>SS-120-4<br>Y-050-4, Y-012-4,<br>Y-021-4, Y-090-4,<br>Y-030-4, Y-030-5<br>L-040-4, L-040-5,<br>Y-040-4, Y-040-5<br>L-040-4, L-040-5, |

|   |     |  |  |
|---|-----|--|--|
|   |     | Perkhidmatan Makanan   | Y-040-4, Y-040-5   |
|   |     | vi) Sarjana Muda Teknologi (Kepujian) Fesyen   | K-022-4, K-022-5   |
|   |     | vii) Sarjana Muda Teknologi (Kepujian) Percetakan  | F-080-4, F-080-5   |
|   |     | viii) Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Polimer  | PG-070-4, PG-070-5   |
|   |     | ix) Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Makanan  | L-040-4, L-040-5, Y-040-4, Y-040-5   |
|   |     | x) Sarjana Muda Ukur Bangunan dengan Kepujian  | CVS4,ARB4, V-020-4, V-020-5  |
| 2 | UMP | i) Sarjana Muda Pengurusan Projek<br>ii) Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri  | PP-001-4, PP-001-5   |
| 3 | UMK | Sarjana Muda Teknologi Kreatif dan Warisan Dengan Kepujian:<br><br>(Reka bentuk Produk)<br><br>(Tekstil dan Fesyen)<br><br>Sarjana Muda Pengajian Warisan:<br>i) Sarjana Muda Keusahawanan (Perdagangan) dengan Kepujian<br>ii) Sarjana Muda Sains Gunaan (Keusahawanan Teknologi Pertanian) dengan Kepujian<br>iii) Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Penternakan) dengan Kepujian | MC-040-5, MC-040-4, H-050-4, H-050-5<br><br>K-022-4, K-022-5, SS-130-5, SS-110-4, SS-120-4, SS-140-4, SS-142-5, SS-142-4<br><br>L-150-4, L-150-5, L-160-4, L-160-5<br><br>Y-050-4, Y-050-5,<br><br>Y-010-4, Y-010-5, Y-011-4, Y-011-5, |

|   |      |  |  |
|---|------|--|--|
|   |      | <p>iv) Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) dengan Kepujian</p> <p>v) Sarjana Muda Sains Gunaan (Pembangunan Teknologi Produk) dengan Kepujian</p>  | <p>Y-012-4, Y-012-5,<br/>Y-021-4, Y-021-5</p> <p>Y-040-4, Y040-5,<br/>Y-070-4, Y-070-5,<br/>Y-090-4, Y-090-5,<br/>Y-060-4, Y-060-5,<br/>Y-030-4, Y-030-5<br/>Y-031-4, Y-031-5</p> <p>L-040-4, L-040-5,<br/>L-050-4, L-050-5<br/>PG-070-4, PG-070-5</p> |
| 4 | UTHM | <p>i) Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi)</p> <p>ii) Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik &amp; Elektronik) Dengan Kepujian</p> <p>iii) Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) Dengan Kepujian</p> <p>iv) Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) Dengan Kepujian (Dlm Proses kelulusan MQA)</p> <p>v) Sarjan Muda Pendidikan Vokasional (Kimpalan dan Fabrikasi Logam) Dengan Kepujian (Dlm Proses kelulusan MQA)</p> <p>vi) Sarjan Muda Pendidikan Vokasional (Pemesinan Am) Dengan Kepujian (Dlm Proses</p> | <p>Terbuka kepada sektor Teknologi M,E dan C</p> <p>H-175-4,H-175-5<br/>C-051-4,C-051-5</p> <p>L-203-4,L-040-4,<br/>L-050-4,L-050-5</p> <p>CVS4</p> <p>H-023-4, H-023-5</p> <p>H-176-4, H-176-5<br/>H-050-4, H-050-5</p>                               |

|   |        |   |  |
|---|--------|---|--|
|   |        | kelulusan MQA)<br>vii) Sarjan Muda Pendidikan Vokasional (Penyejukbekuan dan Penyaman Udara) Dengan Kepujian (Dlm Proses kelulusan MQA)<br>viii) Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif) Dengan Kepujian  | C-040-4,C-040-5<br><br>D-120-4, D-120-5<br>D-060-4, D-060-5  |
| 5 | UniSZA | i) Sarjana Muda Reka bentuk Perindustrian<br><br>ii) Sarjana Muda Teknologi Makanan<br><br>iii) Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian<br><br>i) Sarjana Muda Produksi dan Kesihatan Haiwan<br><br>ii) Sarjana Muda Perakaunan<br><br>iii) Sarjana Muda Perniagaan (Kewangan Islam)<br><br>iv) Sarjana Muda Perniagaan (Pengurusan Risiko dan Takaful) | H-050-4, H-050-5<br><br>L-040-4, L-040-5,<br>Y-040-4, Y-040-5<br><br>Y-050-4, Y-050-5,<br><br>Y-010-4, Y-010-5,<br>Y-011-4, Y-011-5,<br>Y-012-4, Y-012-5<br><br>PP-001-4, PP-001-5<br>P-200-4, P-200-5<br><br>L-050-4, L-040-5,<br>Y-090-4 |
| 6 | UNIMAS | Sarjana Muda Seni Gunaan (Teknologi Reka bentuk)  | D-120-4 & D-120-5  |
| 7 | UMS    | i) Sarjana Muda Sains Pertanian (Pengeluaran Tanaman)<br><br>ii) Sarjana Muda Sains Pertanian dengan Kepujian (Hortikultur dan Landskap)  | Y-050-4, Y-050-5,<br>Y-060-4, Y-060-5,<br>Y-030-4, Y-030-5,<br>Y-031-4, Y-031-5<br><br>Y-050-4, Y-050-5,<br>Y-060-4, Y-060-5   |

|   |      |   |  |
|---|------|---|--|
|   |      | iii) Sarjana Muda Sains Pertanian (Pengeluaran Ternakan)  | Y-011-4, Y-011-5, Y-012-4, Y-012-5   |
| 8 | USIM | i) Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan)<br>ii) Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dan Hubungan dengan Kepujian   | L-050-4, L-040-5, Y-090-4<br>PP-001-4, PP-001-5                              |
| 9 | UKM  | i) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian<br>ii) Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Laut)<br>iii) Sarjana Muda Sains dengan Kepujian ( Sains Sekitaran) | PP-001-4, PP-001-5<br>Y-021-4, Y-021-5<br>Y-060-5, Y-030-5, Y-050-4, Y-050-5 |

Jadual 6a: Senarai IPTA dan Program Ijazah dalam bidang Lain-lain Program

### 3.2 Syarat Am dan Syarat Khas kemasukan ke IPTA

#### Syarat Am:

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/Bahasa Malaysia

dan

- Memiliki kelulusan Diploma Kemahiran Malaysia atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia yang dianugerahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran atau setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.

Dan

- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam *Malaysian University English Test* (MUET)

#### Syarat Khas:

Syarat Khas kemasukan ke IPTA tertakluk kepada keputusan Senat sesebuah IPTA untuk sesuatu program pengajian.

Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan adalah:

- Memiliki kelulusan Diploma Kemahiran Malaysia atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dengan sekurang-kurangnya Gred C / CGPA 2.5 / setara;
- sekurang-kurangnya Lulus Matematik/Fizik di peringkat SPM bagi program kejuruteraan dan Teknikal
- Menduduki ujian kelayakan (*placement test*); dan/atau
- Menduduki program pengukuhan (*bridging*) tertakluk kepada syarat khas program
- Keperluan mendapat kelulusan badan profesional / badan jaminan kualiti

### **Kategori Permohonan**

Permohonan kemasukan ke IPTA adalah melalui Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi (BPKP, JPT) sama seperti calon-calon lain lepasan Matrikulasi dan STPM/Setaraf. Permohonan diletakkan di bawah Kategori Diploma SKM/setaraf yang perlu diwujudkan baru.

### **3.3 Program Pengukuhan/Bridging Program**

Untuk bidang kejuruteraan dan teknologi yang memerlukan penguasaan matematik dan Fizik, di cadang supaya diwujudkan program pengukuhan sebelum calon-calon mengikuti program ijazah di IPTA. Pengukuhan ini perlu bagi membantu pelajar meningkatkan pengetahuan dalam subjek fizik dan matematik yang diperlukan untuk mengikuti jurusan kejuruteraan dan teknologi.

Sebagai permulaan program pengukuhan untuk pelajar lulusan DKM/DLKM ini akan dicadangkan secara berpusat di Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi program ICT dan lain-lain program (1 semester) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) bagi program kejuruteraan (2 semester). Cadangan ini tertakluk kepada universiti berkaitan. Satu kurikulum berpusat akan dibangunkan untuk diguna pakai oleh semua IPTA yang menawarkan kelompok program kejuruteraan dan bukan kejuruteraan.



Cadangan struktur kurikulum bagi program pengukuhan adalah seperti di bawah:

| <b>Semester 1</b>  | <b>Jam Kredit</b> | <b>Semester 2</b> | <b>Jam Kredit</b> |
|--------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Matematik 1        | 3                 | Matematik 3       | 3                 |
| Matematik 2        | 3                 | Matematik 4       | 3                 |
| Fizik 1            | 3                 | Fizik 3           | 3                 |
| Fizik 2            | 3                 | Fizik 4           | 3                 |
| Foundation English | 2                 | Kimia Fizikal     | 3                 |
| <b>Jumlah</b>      | <b>14</b>         | <b>Jumlah</b>     | <b>15</b>         |

Sinopsis kursus adalah seperti di **Lampiran 3**.

#### **4.0 PRINSIP UMUM**

##### **4.1 Perkara-perkara berikut digunakan sebagai prinsip umum.**

- JPK menggubal dasar yang sesuai untuk laluan artikulasi bagi pelajarinya dengan menggunakan pendekatan berikut:
  - Menetapkan sasaran yang ingin dicapai daripada segi bilangan/peratusan pelajar yang ingin diberi laluan ini – sasaran bergantung pada penerimaan IPTA dan bilangan pelajar yang berminat. Sasaran 5% daripada jumlah graduan bagi setiap bidang.
  - Menetapkan program yang boleh dengan mudah direka bentuk dan dibina laluan artikulasinya.
  - Untuk permulaan, bagi kategori kejuruteraan, hanya program DKM dan DLKM yang dijalankan oleh institusi latihan di bawah KSM dan KBS sahaja diberi laluan ini. Lain-lain ILK akan disenaraikan dari semasa ke semasa mengikut persetujuan IPTA dan JPK.
  - JPK perlu membangunkan sistem penggredan dan penilaian peperiksaan yang piawai bagi semua ILK.
  - Menimbangkan penggunaan sumber secara optimum.

## **5.0 SYOR**

Universiti perlulah memaklumkan syarat khas kemasukan program yang telah diluluskan oleh Senat kepada BPKP, Kementerian Pengajian Tinggi.

JPT hendaklah memaklumkan kepada badan-badan profesional untuk kelulusan.

Program pengukuhan dicadangkan untuk dilaksanakan secara berpusat. JPT adalah dipohon untuk menguruskan perkara ini bersama dengan JPK tertakluk kepada ulasan JPT dan JPK.

**LAMPIRAN 2****Senarai Program NOSS TAHAP 4 DAN Tahap 5**

| BIL | KOD NOSS | NAMA NOSS  | TAHAP | SEKTOR  |
|-----|----------|--|-------|---|
| 1   | C-051-4  | Pembantu Jurutera Elektrik   | 4     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 2   | C-051-5  | Jurutera Elektrik  | 5     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 3   | E-030-4  | Pembantu Jurutera Elektronik Industri                                      | 4     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 4   | E-030-5  | Jurutera Elektronik Industri   | 5     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 5   | EE-010-4 | Electronic Audio Visual Technology Executive                               | 4     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 6   | EE-010-5 | Electronic Audio Visual Technology Senior Executive                        | 5     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 7   | EE-120-4 | Consumer Electronic Design Assistant Specialist                            | 4     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 8   | EE-120-5 | Consumer Electronic Design Specialist                                      | 5     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 9   | EE-113-4 | Integrated Circuit Design Specialist                                       | 4     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 10  | EE-113-5 | Integrated Circuit Design Senior Specialist                                | 5     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 11  | EE-112-4 | Electronics System Design Specialist                                       | 4     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 12  | EE-112-5 | Electronics System Design Senior Specialist                                | 5     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 13  | D-215-4  | Penolong Jurutera Telekomunikasi – Operasi Rangkaian Perhubungan Pelanggan | 4     | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |

|    |          |   |   |   |
|----|----------|---|---|---|
| 14 | D-215-5  | Jurutera Telekomunikasi – Operasi Rangkaian Perhubungan Pelanggan | 5 | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 15 | D-400-4  | Eksekutif Teknik Fiber Optik                                      | 4 | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 16 | D-400-5  | Jurutera Fiber Optik  | 5 | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 17 | EE-033-4 | Radio Access Network Assistant Technical Executive                | 4 | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 18 | EE-033-5 | Radio Access Network Technical Executive                          | 5 | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 19 | D-217-4  | Penolong Jurutera Telekomunikasi – Operasi Penguisan              | 4 | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 20 | D-217-5  | Jurutera Telekomunikasi –Operasi Penguisan                        | 5 | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 21 | EE-220-4 | Senior Lighting Technician  | 4 | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 22 | EE-220-5 | Gaffer  | 5 | Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting |
| 23 | D-120-4  | Pengurus Kreatif Multimedia                                       | 4 | Information Technology & Communication (ICT)              |
| 24 | D-120-5  | Pengarah Kreatif Multimedia                                       | 5 | Information Technology & Communication (ICT)              |
| 25 | D-060-4  | Eksekutif Sistem Maklumat   | 4 | Information Technology & Communication (ICT)              |
| 26 | D-060-5  | Pengurus Sistem Maklumat  | 5 | Information Technology & Communication (ICT)              |
| 27 | IT-020-4 | Pembantu Eksekutif Sistem Komputer                                | 4 | Information Technology & Communication (ICT)              |
| 28 | IT-020-5 | Eksekutif Sistem Komputer   | 5 | Information Technology & Communication (ICT)              |
| 29 | D-051-4  | Pembantu Jurutera Rangkaian                                       | 4 | Information Technology & Communication (ICT)              |
| 30 | D-051-5  | Jurutera Rangkaian  | 5 | Information Technology & Communication (ICT)              |
| 31 | IT-090-6 | ICT System Security Principle Technologist                        | 6 | Information Technology & Communication (ICT)              |

|    |          |   |   |  |
|----|----------|---|---|--|
| 32 | IT-090-7 | ICT System Security Specialist                | 7 | Information Technology & Communication (ICT) |
| 33 | IT-090-5 | ICT System Security Technologist              | 5 | Information Technology & Communication (ICT) |
| 34 | D-070-4  | Pembangunan Aplikasi-Malaysia Analisis        | 4 | Information Technology & Communication (ICT) |
| 35 | D-070-5  | Pembangunan Aplikasi-Juruanalisa Sistem       | 5 | Information Technology & Communication (ICT) |
| 36 | H-050-4  | Penolong Jurutera Pembuatan – CAD / CAM       | 4 | Machinery & Equipment                        |
| 37 | H-050-5  | Jurutera Pembuatan – CAD / CAM                | 5 | Machinery & Equipment                        |
| 38 | H-093-4  | Pereka Dai Kerja Tekan                        | 4 | Machinery & Equipment                        |
| 39 | H-095-4  | Pembantu Jurutera Peralatan                   | 4 | Machinery & Equipment                        |
| 40 | H-094-4  | Pereka Acuan Plastik                          | 4 | Machinery & Equipment                        |
| 41 | H-095-5  | Jurutera Peralatan                            | 5 | Machinery & Equipment                        |
| 42 | G-070-4  | Eksekutif Foundri                             | 4 | Machinery & Equipment                        |
| 43 | G-070-5  | Pengurus Foundri                              | 5 | Machinery & Equipment                        |
| 44 | G-110-4  | Eksekutif Pembuatan Keluli                    | 4 | Machinery & Equipment                        |
